



KAUNSELING: Pelajar memperoleh maklumat tambahan peluang belajar di KS daripada seorang kakitangan kolej itu.

Hari Terbuka Kolej Sunway dapat sambutan

KUALA LUMPUR, 22 Ogos: Hari Terbuka Kolej Sunway baru-baru ini mendapat sambutan apabila pelajar dan orang ramai membanjiri kolej itu.

Program sehari itu memberi peluang kepa-

da orang ramai mengetahui lebih lanjut kelebihan belajar di kolej itu.

Penolong Guru Besar kolej itu, Elizabeth Lee berkata ceramah pendidikan, pameran, panduan kerjaya dan sesi ka-

unseling diadakan pada hari berkenaan.

Katanya, ceramah itu membincangkan perkara berkaitan kursus peringkat pra universiti, profesional, kewangan dan program ijazah berkembar.

“Melalui aktiviti ini, ibu bapa mendapat gambaran tepat mengenai bidang pengajian peringkat tinggi yang sesuai untuk anak masing-masing,” katanya dalam satu kenyataan KS.

This material may be protected by the Malaysia Copyright Act. It may only be used for private study or research. Downloading or reproduction in excess of “fair dealing” may constitute copyright infringement.